

## 22 PENGGUNAAN KECERDASAN PELBAGAI (*MULTIPLE INTELLIGENCE*) DALAM KARANGAN NARATIF BAGI SEKOLAH RENDAH

Suriati Djuahir  
suriati\_djuahir@moe.edu.sg

Suriani Abdul Bakri  
suriani\_abdul\_bakri@moe.edu.sg

Sekolah Rendah West View

### ABSTRAK

Guru mengambil inisiatif untuk meningkatkan keupayaan murid menulis karangan dari segi penambahan isi. Guru menggunakan kaedah atau pendekatan Kecerdasan Pelbagai (*Multiple Intelligence* atau *MI*) bagi membimbing murid memperbaik hasil karangan naratif mereka. Subjek kajian ini melibat murid dari Darjah 2 dan Darjah 6. Subjek dibahagikan kepada dua kumpulan – kumpulan terkawal dan kumpulan eksperimen. Ujian praMI dijalankan bagi mengenal pasti tahap keupayaan murid dalam penulisan. Setelah murid melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran *MI*, pascaujian dijalankan. Perbandingan markah praujian dan pascaujian dianalisis. Dapatkan daripada kajian yang dijalankan menunjukkan terdapat peningkatan dari segi markah isi karangan yang murid hasilkan.

### Kata kunci

Kecerdasan Pelbagai, Kemahiran Menulis, Isi Karangan



## PENGENALAN

Kajian ini dijalankan bagi peringkat Darjah 2 dan 6. Bagi peringkat darjah, kelompok murid yang dipilih adalah murid-murid yang tidak dikumpulkan mengikut tahap kemahiran mereka. Ini bermakna mereka mempunyai kemahiran bahasa yang berbeza-beza. Bagi Darjah 6 pula, murid yang dipilih adalah kumpulan murid peringkat cemerlang. Penyelidikan menunjukkan bahawa keupayaan atau cara-cara murid belajar amat berbeza. Oleh yang demikian, kajian ini menumpukan kepada penggunaan teori Kecerdasan Pelbagai (MI) yang dipelopori oleh Howard Gardner (1989).

## TUJUAN KAJIAN

Fokus pengajaran menggunakan strategi ini ialah kesedaran tentang kecerdasan pelbagai murid dan bagaimana ini menjadikan minat murid dalam pembelajaran menulis karangan. Guru juga berusaha untuk menanamkan strategi Kecerdasan Pelbagai ini dalam diri murid untuk mencetuskan dan meningkatkan minat murid dalam menulis karangan.

Tujuan kajian yang dijalankan adalah untuk:

1. menilai keberkesanan kaedah pembelajaran *MI* dalam mempertingkat kemahiran menulis murid; dan
2. meneliti keberkesanan kaedah yang digunakan dalam meningkatkan motivasi murid dalam pembelajaran.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Murid tidak dapat mengupas dan meluaskan isi karangan naratif dengan baik terutama dalam peperiksaan akhir tahun. Ini menyebabkan mereka mendapat markah yang rendah dalam penulisan karangan naratif. Oleh yang demikian, kajian ini berfokus kepada isi karangan dengan bantuan strategi Kecerdasan Pelbagai atau *MI*.



Dua peringkat yang diuji iaitu Darjah 2 dan Darjah 6. Setiap peringkat mempunyai satu kumpulan terkawal dan satu kumpulan eksperimen. Guru dalam peringkat diberikan pengajaran yang sama tetapi strategi MI hanya digunakan untuk kumpulan eksperimen.

Hasil dapatan data yang dikumpulkan digunakan bagi tujuan merancang penggunaan Kecerdasan Pelbagai dalam pengajaran karangan naratif.

## KAJIAN LEPAS

Bahan yang digunakan merupakan teori Multiple Intelligence yang diasaskan oleh Prof Howard Gardner. Howard Gardner dan Hatch (1989) melihat kecerdasan sebagai satu cara untuk menyelesaikan masalah yang amat bernilai dalam sesuatu budaya. Sekiranya seorang kanak-kanak tidak belajar mengikut cara guru mengajar, maka guru harus mengajar dalam cara kanak-kanak belajar.

Apabila ditanya bagaimana pendidik perlu melaksanakan teori kecerdasan pelbagai, Gardner berkata bahawa adalah sangat penting bagi seorang guru menitikberatkan perbezaan kecerdasan dalam kalangan kanak-kanak. Pada dasarnya guru harus berminat pada kanak-kanak dan mengakui bahawa minda anak-anak berbeza antara satu sama lain dan guru harus membantu mereka menggunakan minda mereka dengan baik.

Murut Fiske dan Taylor (1991), teori *Attribution* memperkatakan bagaimana penerima sosial menggunakan maklumat untuk menjelaskan sebab-musabab berlakunya sesuatu kejadian. Ia mengkaji jenis maklumat yang dikumpul dan bagaimana maklumat digabungkan untuk membentuk suatu kesan sebab-musabab tersebut.

Guru memulakan penyelidikan tindakan melalui *KPM TLLM Ignite1* projek "Menyalakan Minat Dalam Matematik Melalui Kecerdasan Pelbagai" pada tahun 2008. Projek ini telah memberikan manfaat yang besar bagi guru, murid dan sekolah secara amnya.



Berdasarkan keberkesanan projek *MI* dalam subjek Matematik ini, guru-guru menjalankan penyelidikan tindakan ini bagi subjek-subjek lain seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran menulis karangan yang merupakan satu kebimbangan yang sama dalam kalangan semua tiga bahasa tersebut. Adalah diharapkan bahawa menerapkan strategi *MI* ini dalam pengajaran menulis karangan, murid dapat memupuk minat yang mendalam dalam penulisan karangan dan mampu menulis dengan lebih baik. Oleh itu tiga jabatan bahasa ini telah bekerjasama dalam kajian tindakan ini.

Data yang dikumpulkan telah menunjukkan bahawa murid telah menunjukkan sikap yang baik dan terdapat peningkatan dalam motivasi murid dalam penglibatan pengajaran menulis karangan. Murid diajar melalui strategi *MI* ini untuk menghasilkan skor pencapaian yang lebih tinggi dalam ujian kajian mereka. Berdasarkan analisis keputusan, didapati campur tangan strategi *MI* dalam bidang penulisan karangan telah menghasilkan satu sumbangan yang positif bagi penglibatan murid dan pencapaian mereka ke arah pembelajaran menulis karangan yang lebih baik.

## **KAEDAH KAJIAN**

Data yang dikumpulkan menggunakan Kaedah Kuantitatif. Hasil daripada penulisan karangan *praMI* dan *pascaMI* diteliti. Kaedah kajian yang digunakan ialah menganalisis data bahagian isi karangan. Markah praujian dan pascaujian karangan menjadi data bagi mengukur keberkesanan kaedah ini. Kedua-dua karangan yang diberikan kepada murid mempunyai tahap kesukaran yang sama.

Persampelan rawak mudah (PRM) dilakukan untuk menganalisis data-data yang dikumpulkan.

### Subjek Kajian

Kajian ini dijalankan bagi kelas Darjah 2 yang terdiri daripada murid yang mempunyai pelbagai tahap kemahiran. Bagi Darjah 6 pula merupakan murid tahap cemerlang.



### Instrumen Kajian

Alat pengumpulan data kuantitatif yang mana markah isi karangan digunakan untuk mengukur pemboleh ubah yang dikaji.

### Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan dalam bentuk kuasi-eksperimen melalui penulisan naratif prakajian dan pascakajian. Kedua-dua kelas ini merupakan kumpulan eksperimen manakala dua kelas yang lain dalam peringkat masing-masing merupakan kumpulan terkawal.

Murid bagi kedua-dua kelas menduduki ujian penulisan karangan praMI. Data dikumpulkan untuk memantau markah isi yang dihasilkan oleh murid. Karangan kedua diberikan setelah murid dari kumpulan eksperimen menggunakan strategi MI untuk menyelesaikan latihan. Data dikumpulkan untuk dianalisis dari segi perubahan markah isi karangan yang dihasilkan oleh murid.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan hasil yang positif bagi kedua-dua pihak iaitu guru dan murid. Murid mendapati penglibatan mereka dalam kajian ini merupakan satu proses yang menyeronokkan. Proses pembelajaran yang dilalui tidak mengancam. Dapatan kajian menunjukkan terdapat peningkatan dalam penglibatan, motivasi, sikap positif, dan semangat ke arah menulis dalam kalangan murid yang terdedah kepada strategi MI. Dengan menggunakan pengajaran berasaskan MI, guru menyediakan pelbagai pelajaran yang direka untuk menampung gaya pembelajaran yang berbeza-beza.

Jadual 1: Keputusan Markah

Darjah	Markah Isi PraMI	Markah Isi Pasca MI
2 ( 27 murid)	5 markah > 10	5 markah > 25
6 (32 murid)	15 markah > 16	15 markah > 26



## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pelaksanaan pengajaran yang memuatkan strategi *MI* telah menunjukkan hasil yang positif bagi kedua-dua pihak iaitu guru dan murid. Ia merupakan satu pengalaman yang menyeronokkan bagi kedua-dua pihak ini. Terdapat peningkatan dalam penglibatan, motivasi, sikap positif, dan semangat ke arah menulis dalam kalangan murid yang terdedah kepada strategi *MI*. Guru juga merasakan bahawa mereka telah meningkatkan tahap pengajaran mereka secara profesional kerana berjaya melangkah keluar dari mod tradisional pengajaran mereka. Sebagai penutup, aspek yang paling bermanfaat dalam kajian yang dijalankan adalah guru telah mengambil kira keperluan pembelajaran murid yang pelbagai dan guru juga telah menjalankan pelbagai cara pengajaran yang menarik bagi merangsang dan membimbing murid dalam pembelajaran yang bermakna.

## RUJUKAN

- Brualdi, A. C. (1996) ‘Multiple Intelligences: Gardner’s Theory. ERIC Digest’, *Eric Digests*, [http://www.ericdigests.org/1998-1/multiple.htm. Accessed June 15, 2008]
- Bruner, J (1960) *The Process of Education*, Cambridge, Mass.: Harvard University Press.
- Fiske, S.T., & Taylor, S.E. (1991). *Social cognition* (2nd ed.). New York: McGraw-Hill
- Gardner, Howard (1975) *The Shattered Mind*, New York: Knopf.
- Gardner, Howard (2006) *Changing Minds. The art and science of changing our own and other people’s minds*. Boston MA.: Harvard Business School Press.
- Gardner, H., Csikszentmihalyi, M. and Damon, W. (2001) *Good*



*Work: Where Excellence and Ethics Meet*, New York: Basic Books.

Gardner, H., & Hatch, T. (1989). Multiple intelligences go to school: Educational implications of the theory of multiple intelligences. *Educational Researcher*, 18(8), 4-9.

Kornhaber, M. L. (2001) 'Howard Gardner' in J. A. Palmer (ed.) *Fifty Modern Thinkers on Education. From Piaget to the present*, London: Routledge.

T. Hatch and H. Gardner (1993) 'Finding cognition in the classroom: an expanded view of human intelligence' in G. Salomon (ed.) *Distributed Cognitions. Psychological and educational considerations*, Cambridge: Cambridge University Press.

